

04/08/2001

Dr Ling kesal pergaduhan tercetus

Nadzim Ahmad Jamalludin; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik kesal dan sedih dengan kekecohan yang berlaku ketika Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda MCA Ke-38 di sini, hari ini.

Beliau berkata, kejadian itu harus dijadikan iktibar oleh pemimpin pemuda untuk memastikan mereka bersedia memimpin parti itu pada masa depan.

"Mereka perlu membuktikan mempunyai disiplin, sikap yang betul dan majoriti mencukupi sebelum pemuda mengambil alih parti," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Perhimpunan Agung Tahunan Wanita MCA Ke-25 di sini, hari ini.

Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda MCA Ke-38 yang diadakan di Hotel Flamengo dekat sini, kecoh apabila panggilan bom palsu diterima hingga memaksa perhimpunan itu ditangguhkan kira-kira sejam bagi membolehkan polis dari Skuad Pemusnah Bom melakukan pemeriksaan rapi.

Perhimpunan itu juga kecoh apabila sebahagian daripada perwakilan yang menghadiri perhimpunan itu bergaduh sesama sendiri dan membaling kerusi.

Dr Ling bagaimanapun berkata, bukan masanya untuk menuding jari kepada pihak mana yang bertanggungjawab dengan insiden itu.

"Kita akan mendapatkan laporan. Setiausaha agung parti akan mendapatkan laporan sebenar apa yang berlaku," katanya.

Sehubungan itu, Dr Ling meminta anggota parti bertenang dan mengingatkan mereka bahawa tanggungjawab menjaga kestabilan, disiplin dan keutuhan parti adalah lebih penting.

"MCA sudah mengambil langkah perlu termasuk meminta bantuan polis bagi memastikan persidangan agung MCA yang berlangsung esok berjalan lancar.

"Kita menjemput polis supaya dengan kepakaran mereka dapat membantu pemeriksaan bangunan kerana kita tidak mahu lagi berlaku ancaman bom," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan persidangan esok.

Sementara itu, Ketua Pemuda Barisan Nasional (BN), Datuk Hishammuddin Tun Hussein mengajak ahli Pemuda MCA yang dikatakan kini berpecah dua kembali merapatkan barisan.

"Tidak ada perkara yang tidak boleh ditangani atau diatasi jika semua pihak berpegang kepada perkara yang lebih besar iaitu memastikan agenda yang hendak dilaksanakan Pemuda BN untuk membangunkan negara dan menjadi sebahagian daripada pemangkin kepada dasar kerajaan dapat dilaksanakan.

"Saya harap mereka akan membincangkan perkara itu mengikut lunas-lunas demokrasi, peraturan dan perlembagaan yang ada dalam parti berkenaan.

"Tetapi akhirnya kita kena rapatkan barisan dan menghormati pendirian majoriti... itu nasihat saya," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan itu, hari ini.

Ditanya mengenai tindakan segelintir ahli Pemuda MCA yang lantang menyuarakan pendapat dalam perhimpunan itu, Hishammuddin yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno berkata, emosi dan semangat adalah satu perkara biasa yang sering berlaku dalam setiap perhimpunan pemuda.

"Tetapi saya tekankan kepada Pemuda MCA tadi bahawa apa juga yang berlaku dalam parti masing-masing, jangan sampai sehingga ianya menjejaskan prestasi dan kekuatan BN.

"Ketua Pemuda MCA memberi saya jaminan bahawa pada peringkat pemuda, ia tidak akan menjejaskan gerakan kita di bawah BN untuk memperkukuhkan lagi

Pemuda BN," katanya.

Diminta mengulas tindakan sebahagian perwakilan membuat bising dengan bersorak dan meniup wisel, Hishammuddin berkata:

"Saya bersetuju dalam perhimpunan mesti ada adab dan tertibnya, tetapi kadang-kadang bukan mudah untuk kita mengawal keadaan.

"Kita terpaksa menerimanya, tetapi pastikan tidak sampai satu tahap yang membimbangkan dan menjejaskan apa yang telah kita bina dan pelihara selama ini... itu yang jadi kepentingan," katanya.

(END)